



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 6 FEBRUARI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	SMART SBB ALA SEKINCHAN DIPERLUAS KE JOHOR, NASIONAL, BH -9 KERAJAAN IMPORT BAWANG DARI CHINA, THAILAND, PAKISTAN, DALAM NEGERI, UM -4 BEKALAN BAWANG MENCUKUPI, IMPORT DARI NEGARA PENGELUAR LAIN, NASIONAL, SH -10 SMART SBB ALA SEKINCHAN DIPERLUAS KE JOHOR, NEGARA, KOSMO -5 BAWA MASUK BAWANG DARI CHINA, THAILAND, PAKISTAN, NEGARA, KOSMO -5 BEKALAN BAWANG DALAM NEGARA MENCUKUPI, NASIONAL, BH -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
7.	LADANG TERNAKAN BUANG BANGKAI ITIK CEMARKAN SUNGAI LUBUK TIMAH, DALAM NEGERI, UM -30	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
8. 9. 10.	REDAH HUTAN DEMI CARI IKAN KELAH, DALAM NEGERI, UM -35 NELAYAN TUNTUT JANJI HENTI OPERASI PUKAT KENKA, DALAM NEGERI, UM -30 GAGAL SELUDUP BENIH UDANG HIDUP, NEGERI KEDAH, SH -26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11.	HARGA AYAM DI JOHOR NAIK 30 SEN SEKILOGRAM, NASIONAL, BH -14	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

6/2/2024

BERITA
HARIAN

NASIONAL

9

SMART SBB Ala Sekinchan diperluas ke Johor

Tangkak: Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan akan diperluas secara berperingkat ke kawasan penanaman padi di Johor, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Susulan itu, beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan kerjasama Kerajaan Johor sedang mengenal pasti kawasan sesuai seluas kira-kira 50 hektar bagi pelaksanaan program SMART SBB Ala Sekinchan itu.

Katanya, SMART SBB Ala Sekinchan adalah amalan pertanian berhasi tinggi yang akan meningkatkan hasil pengeluaran padi daripada tujuh tan bagi setiap hektar kepada 10 tan sehektar.

"Tanaman padi ala Sekinchan ini mestilah tanaman yang mengikut masa yang betul, baja yang sesuai dan pengairan yang sesuai.



Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan di Bendang Tok Ajam, Pasir Puteh, Tangkak.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Tangkak (842.97 hektar), Muar (364.22 hektar), Mersing (649.38 hektar), Batu Pahat (141.70 hektar) dan Kluang (356.12 hektar) membabitkan 859 pesawah.

Selain itu, hasil padi Johor mencatatkan peningkatan 30.1 peratus pada musim menuai utama bagi tempoh 2021 hingga 2022 berbanding tempoh pengeluaran 2020 hingga 2021 iaitu peningkatan hasil padi daripada 4,746 tan kepada 6,225 tan.

Sementara itu, Mohamad berkata, kementeriannya akan menyalurkan peruntukan RM3.45 juta bagi memperkasakan projek penanaman padi di Sawah Ring, Tangkak, bagi menyelenggara dan penambahbaikan sawah termasuk jalan di kawasan berkenaan.

Beliau berkata, peruntukan ini dijangka memberi impak besar kepada penghasilan padi yang lebih berkualiti dan bernutu tinggi serta memberi manfaat kepada pesawah.

tankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Zahari Sarip.

Mengikut rekod, Johor kini memiliki 10 sawah padi seluas 2,254 hektar merangkumi di

"Mereka kena jadikan pesawah sebagai kerja tetap seperti profesional," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan di Sawah Ring di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawa-



MOHAMAD Sabu (dua dari kiri) menyampaikan replika cek Program Bantuan Khas Tunai kepada pesawah sempena Lawatan ke Sawah Ring, Tangkak, Johor.

Kerajaan import bawang dari China, Thailand, Pakistan

Oleh FARAHWAHIDA AHMAD
UtusanNews@medianusa.com.my

TANGKAK: Kerajaan akan mengimport bawang dari China, Thailand dan Pakistan bagi menampung keperluan dalam negara.

Walaupun bagaimanapun, Menteri Pertanian dan Kerejainan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menegaskan, bawang import mencukupi meskipun India melarang eksport bawang itu hingga Mac depan.

"Negara tidak mengalami kekurangan bawang, cuma harganya kini turun naik dalam pasaran. Negara boleh mendapatkan bawang dari negara pengeluar lain.

"Sekarang ini, bawang bawang diimport dari China, Thailand dan Pakistan bagi menampung keperluan negara," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke Sawah Ring, di sini semalam.

Mohamad berkata, sekatan

import bawang dari India bersef, sementara seperti larangan import bawang putih sebelum ini dan selepas rundingan diadakan, negara itu setuju menjual 170,000 tan metrik beras kepada Malaysia.

"Kadangkala India berdepan masalah dalam negara mereka. Kita perlu hormat kerana larangan eksport yang dilakukan itu untuk keperluan rakyat dan negara mereka," katanya.

Pada 8 Disember lalu, India yang menyumbang sebanyak 36 peratus kepada import bawang ke Malaysia melarang eksport sehingga Mac depan bagi menangkai bawang domestik selain membendung inflasi pengguna di negara itu.

Sementara itu, katanya, Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) ala Sekinchan akan dipertingkatkan ke kawasan penanaman padi di negeri ini.

Menurut beliau, pihaknya sedang mengorngal pusi kawasan

kira-kira 50 hektar bagi program SMART SBB Ala Sekinchan di Johor secara berperingkat-peringkat.

"Kementerian Pertanian dan Kerejainan Makanan Negara (KPKM) menyalurkan sebanyak RM3.45 juta bagi memperkasan projek penanaman padi di Sawah Ring, Tangkak.

ia bagi penyelenggaraan mekanikal dan elektrik serta menambahkan jalan ladang dan bagi meneruskan kerja-kerja pembinaan sivil kawasan berkenaan," katanya.

Menurut Mohamad, SMART SBB ala Sekinchan merupakan amalan pertanian berhasil tinggi akan meningkatkan pengeluaran daripada tujuh tan metrik per hektar kepada 10 tan metrik per hektar.

Johor kini memiliki 10 sawah padi seluas 2,254 hektar iaitu di Tangkak (842.97 hektar), Muar (361.22 hektar), Mesing (549.98 hektar), Batu Pahat (141.70 hektar) dan Klung (356.12 hektar) membabitkan seramai 859 pesawah.

Bekalan bawang mencukupi, import dari negara pengeluar lain

TANGKAK - Bekalan bawang dalam negara mencukupi meskipun India melarang eksport bekalan itu sehingga Mac depan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kerajaan turut mendapatkan bekalan dari China, Thailand dan Pakistan.

"Negara tidak mengalami kekurangan bekalan bawang, cuma harganya kini turun naik di pasaran. Negara boleh mendapatkan bekalan bawang daripada negara pengeluar lain.

"Sekarang ini, bekalan bawang diimport dari China, Thailand dan Pakistan bagi menampung keperluan negara," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke Sawah Ring di sini pada Isnin.

Menurut Mohamad, sekatan import dari India berkuatkuasa sementara dan bekalan bawang akan diperolehi semula daripada negara tersebut.

"Larangan import bawang dari India memang bersifat sementara seperti larangan

import bekalan beras putih dari India sebelum ini, di mana selepas rundingan India setuju jual 170,000 tan metrik beras kepada Malaysia.

"Kadang kala India berdepan masalah dalam negara mereka. Kita perlu hormat kerana larangan eksport yang dilakukan itu untuk keperluan rakyat dan negara mereka," jelasnya.

Dalam pada itu, Mohamad memaklumkan Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan akan diperluaskan ke kawasan penanaman padi di Johor secara berperingkat.

Jelasnya, Kementerian Pertanian kerjasama kerajaan negeri sedang mengenal pasti kawasan sekitar 50 hektar bagi program SMART SBB Ala Sekinchan di Johor.

"Kementerian menyalurkan sebanyak RM3.45 juta bagi memperkasakan projek penanaman padi di Sawah Ring, Tangkak.

"Ia bagi penyelenggaraan mekanikal dan elektrik, serta penambahbaikan jalan ladang dan bagi meneruskan kerja-kerja pembinaan sivil kawasan berkenaan.



Mohamad (depan, tiga dari kiri) melihat dron yang digunakan untuk kerja-kerja menyembur racun di sawah di Kampung Sawah Ring, Tangkak pada Isnin.

"Peruntukan ini dijangka memberi impak besar kepada penghasilan padi yang lebih berkualiti dan bermutu tinggi serta memberi manfaat," ujarinya.

Mengikut rekod, Johor kini memiliki 10 sawah padi seluas 2,254 hektar merangkumi di

Tangkak (842.97 hektar), Muar (364.22 hektar), Mersing (549.38 hektar), Batu Pahat (141.70 hektar) dan Kluang (356.12 hektar) melibatkan 859 pesawah.

Selain itu, hasil padi Johor mencatatkan peningkatan 30.1 peratus pada musim menuai

utama bagi tempoh 2021 hingga 2022 berbanding tempoh pengeluaran 2020 hingga 2021.

Peningkatan hasil padi adalah daripada 4,746 tan metrik kepada 6,225 tan metrik.

SMART SBB ala Sekinchan diperluas ke Johor

TANGKAK - Kerajaan akan memperluaskan Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) ala Sekinchan ke kawasan penanaman padi di negeri Johor.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kementerian itu dengan kerjasama kerajaan negeri sedang mengenal pasti kawasan sekitar 50 hektar bagi program SMART SBB Ala Sekinchan di Johor secara berperingkat.

"Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Negara (KPKM) menyalurkan sebanyak RM3.45 juta bagi memperkasakan projek penanaman padi di Sawah Ring, Tangkak.

"Ia bagi penyelenggaraan mekanikal dan elektrik serta penambahbaikan jalan ladang dan bagi meneruskan kerjasama pembinaan sivil kawasan berkenaan.

"Peruntukan ini dijangka memberi impak besar kepada penghasilan padi yang lebih berkualiti dan bermutu tinggi serta memberi manfaat," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan di Sawah Ring di sini semalam.

Menurut Mohamad, SMART SBB ala Sekinchan merupakan amalan pertanian berhasil tinggi itu akan meningkatkan hasil pengeluaran daripada tujuh tan metrik per hektar kepada 10 tan metrik per hektar.

"Tanam ala Sekinchan ini mestilah tanaman yang mengikuti masa yang betul, baja yang sesuai dan pengairan yang sesuai.

"Kalau tidak ada pengairan yang cukup, maka ia tidak boleh untuk kita buat ala Sekinchan dengan sempurna.

"Dari segi penjagaan pula, mestilah pesawah padi ini tidak boleh kerja secara sambilan. Dia kena jadi pesawah sebagai kerja tetap seperti profesional," ujarnya.

Mengikut rekod, Johor kini memiliki 10 sawah padi seluas 2,254 hektar merangkumi di Tangkak (842.97 hektar), Muar (364.22 hektar), Mersing (549.38 hektar), Batu Pahat (141.70 hektar) dan Kluang (356.12 hektar) membabitkan 859 orang pesawah.

Selain itu, hasil padi Johor mencatatkan peningkatan 30.1 peratus pada musim menuai utama bagi tempoh 2021 hingga 2022, berbanding tempoh pengeluaran 2020 hingga 2021.

Peningkatan hasil padi adalah daripada 4,746 tan metrik kepada 6,225 tan metrik.

Tampung keperluan negara selepas India sekat import bahan itu

Bawa masuk bawang dari China, Thailand, Pakistan

Oleh MOHD. SHARKAWI LONDING

TANGKAK - Kerajaan akan mengimport bekalan bawang dari negara pengeluar seperti China, Thailand dan Pakistan bagi menampung keperluan dalam negara berikutan kerajaan India melarang pengimportan bahan itu buat sementara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, setakat ini bekalan bawang dalam negara adalah mencukupi.

"Negara tidak ada mengalami kekurangan bekalan bawang, cuma harganya kini turun naik di pasaran. Negara boleh mendapatkan bekalan bawang dari negara pengeluar lain selain India.

"Sekarang bekalan bawang diimport dari China, Thailand dan Pakistan bagi menampung keperluan negara," katanya selepas mengadakan lawatan ke Sawah Ring di sini semalam.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip.

Ujar Mohamad, seketan import bawang dari India bersifat sementara dan bekalannya akan diperolehi semula.

"Larangan import bawang



MOHAMAD (lima dari kiri) melihat dron yang digunakan untuk membaja ketika melawat tanaman padi di Sawah Ring, Tangkak semalam.

dari India memang bersifat sementara seperti larangan import bekalan beras putih dari India sebelum ini, yang mana selepas rundingan, negara berkenaan setuju menjual 170,000 tan metrik beras kepada Malaysia.

"Kadangkala India berdepan

masalah dalam negara mereka. Kita perlu hormat kerana larangan eksport itu untuk keperluan rakyat mereka," katanya.

Pada 8 Disember lalu, India yang menyumbang 36 peratus import bawang ke Malaysia melarang eksport bahan itu sehingga Mac ini bagi meningkatkan

bekalan domestik, selain membanding inflasi pengguna di negara terbabit.

Menurut Direktorat Perdagangan Luar Negeri India, ia susulan eksport bawang dipindahkan daripada kategori bebas kepada larangan hingga 31 Mac ini.

Harga ayam di Johor naik 30 sen sekilogram

Pembekal beri alasan bekalan terhadap menjelang Tahun Baharu Cina

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Harga ayam segar yang dijual di sekitar bandar raya ini naik 30 sen kepada RM9.80 sekilogram, mulai semalam, iaitu kenaikan kali ketiga dalam tempoh dua minggu.

Tinjauan di pasar basah di sekitar Perling, Tampoi dan Skudai mendapati kenaikan harga ayam segar itu menyebabkan jualan ayam segar tidak serancak sebelum ini, malah pelanggan dilihat lebih banyak membeli bahagian tertentu ayam diperlukan saja.

Peniaga ayam segar, Daud Ismail, 40, berkata kenaikan harga ayam mentah yang semakin ke-

rap itu memberi tekanan kepada peniaga yang kini semakin terhimpit.

"Sebelum ini harga ayam segar hanya RM7.90 sekilogram, namun selepas tiga kali kenaikan, kami peniaga terpaksa menjual dengan harga RM9.80 sekilogram mulai hari ini (semalam).

"Ia tidak dapat dielakkan berikutan harga ayam datang daripada pembekal RM3.70 hingga RM9.10 sekilogram hari ini (semalam), jadi kami hanya dapat untung RM1.10 atau kurang RMI setiap kilogram dengan tanggungjawab sewa lot niaga, gaji pekerja dan bil utiliti.

"Hari ini (semalam), pembekal memberi bayangan harga ayam segar akan naik lagi sehari dua menjelang Tahun Baharu Cina nanti dengan alasan bekalan terhad, selain permintaan tinggi kerana perayaan," katanya ketika ditemui, semalam.

Dakwa bekalan tak banyak

Seorang lagi peniaga ayam segar yang mahu dikenali sebagai Az-



Harga ayam segar yang dijual di sekitar bandar raya Johor naik 30 sen kepada RM9.80 sekilogram, mulai semalam.

(Foto Nur Aisyah Mazalan/bh)

man, 45, mendakwa alasan bekalan ayam segar terhadap menjelang musim perayaan sering digunakan pembekal untuk menaikkan harga bahan mentah itu.

"Bagaimanapun, peniaga yang menjadi sasaran kemarahan pembeli yang menuduh kami mengambil kesempatan pada musim perayaan.

"Pembekal mendakwa kononnya bekalan ayam tidak banyak

diterima dan saiz ayam dihantar kepada peniaga pula kecil, tetapi agak pelik apabila keadaan berubah selepas ini dengan bekalan ayam yang melambak," katanya.

Sementara itu, pengguna, Sufian Mohd Noor, 52, berkata beliau tiada pilihan dengan hanya membeli bahagian ayam tertentu saja berbanding membeli seekor atau dua ekor ayam setiap lima hari sekali.

"Harga ayam kebelakangan ini sering naik. Jika dulu selepas penghapusan apungan harga ayam masih murah iaitu antara RM6.90 hingga RM7.90 sekilogram.

"Pengguna berkeluarga besar seperti saya terbeban jika membeli dua ekor ayam macam dulu, jadi saya hanya beli bahagian tertentu saja supaya dapat berjimat," katanya.

Bekalan bawang dalam negara mencukupi

Tangkak: Bekalan bawang dalam negara masih mencukupi, meskipun India melarang eksport bawang itu sehingga Mac depan, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata, pada masa sama, kerajaan juga turut mendapatkan bekalan bawang dari China, Thailand dan Pakistan.

"Negara tidak mengalami kekurangan bekalan bawang, cuma harganya kini turun naik di pasaran.

"Kita boleh mendapatkan bekalan bawang dari negara pengeluar lain.

"Sekarang, bekalan bawang diimport dari China, Thailand dan Pakistan bagi menampung keperluan negara selepas India

melarang eksport bawang sehingga bulan depan," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke Sawah Ring, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Zahari Sarip.

Mohamad berkata, sekatan import bawang dari India bersifat sementara dan bekalan bawang akan diperoleh semula dari negara itu selepas ini.

"Larangan import bawang dari India memang bersifat sementara seperti larangan import bekalan beras putih dari India sebelum ini, yang mana selepas rundingan, India bersetuju menjual 170,000 tan beras ke-

pada Malaysia.

"Kadang kala India berdepan masalah dalam negara mereka. Kita perlu hormat keputusan berkenaan kerana larangan eksport yang dilakukan itu untuk keperluan rakyat dan negara mereka," katanya.

Pada 8 Disember lalu, India yang menyumbang 36 peratus kepada import bawang ke Malaysia melarang eksport bawang sehingga Mac ini bagi meningkatkan bekalan domestik, selain membendung inflasi pengguna di negara itu.

Menurut Direktorat Perdagangan Luar Negeri India, ia sulaan eksport bawang dipindahkan daripada kategori bebas kepada larangan hingga 31 Mac 2024.



Mohamad cuba menaikkan dron yang digunakan untuk menyebarkan racun di sawah ketika mengadakan lawatan ke Sawah Ring, Tangkak, Johor, semalam.

(Foto BERNAMA)

6/2/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30

Ladang ternakan buang bangkai itik cemarkan sungai Lubuk Timah

Oleh AIN SAFRE BIDINutusannews@mediamulla.com.my


IPOH: Puluhan bangkai itik yang ditemukan hanyut di kawasan rekreasi Lubuk Timah, Simpang Pulai di sini kelmarin, didakwa dari ladang ternakan tidak jauh kawasan rekreasi itu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengurus Pusat Rekreasi Lubuk Timah, Datuk Fadzil Akmal Mohd. Yusoff berkata, kejadian itu berlaku kerana pengusaha ladang ternakan tersebut meletakkan bangkai itik di tebing sungai.

Katanya, bangkai itik masuk ke dalam sungai akibat hujan sehingga hanyut ke kawasan rekreasi tersebut.

Menurutnya, ladang ternakan itik itu terletak kira-kira 500 meter dari Empangan Lubuk Timah.

"Tindakan pengusaha ladang ternakan yang meletakkan bangkai itik di tebing sungai merupakan perbuatan tidak bertanggungjawab kerana bangkai haiwan itu masuk ke dalam



laku," katanya.

Menurutnya, berkaitan kejadian tersebut, pihak berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertindak pantas membuat pemeriksaan di lokasi bangkai haiwan itu ditemukan.

Katanya, JAS turut membuat pemeriksaan kualiti air dan difahamkan air sungai di pusat rekreasi itu tidak tercemar.

"Semasa pemeriksaan semalam, pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengarahkan pemilik ladang ternak tersebut supaya menanam bangkai itik dan bukannya meletakkannya di tebing sungai," katanya.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati keadaan air sungai di pusat rekreasi itu semakin pulih dan pengunjung melakukan aktiviti riadah seperti biasa.

Sebelum ini, tular dalam media sosial kejadian puluhan bangkai itik ditemukan hanyut di kawasan rekreasi tersebut.

KAKITANGAN Pusat Rekreasi Lubuk Timah menemukan longgokan bangkai itik dipercai dibuang pengusaha ternakan itu di tepi sungai di Simpang Pulai, Perak. - UTUSAN/UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

sungai akibat hujan dan hanyut sehingga ke kawasan rekreasi ini.

"Perbuatan pengusaha ladang tersebut mendatangkan kemudaratan kepada orang lain terutama kepada pengunjung kerana sepatutnya bangkai hai-

wan itu ditanam, bukannya diletakkan di tebing sungai.

"Kejadian ini mengejutkan kami kerana ia tidak pernah ber-

6/2/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

35

Redah hutan demi cari ikan kelah

HULU TERENGGANU: Seorang bapa sanggup meredah dan ber-malam di dalam hutan sehingga seminggu demi mencari ikan kelah merah di kawasan sungai sebagai sumber pendapatan.

Mohd. Marzuki Abd. Ghani, 45, dari Kampung Pasir Dula di sini, berkata, dia mula menjual ikan kelah merah sejak lebih 10 tahun lalu selepas berhenti kerja sebagai pemotong rumput.

Menurutnya, pada peringkat awal, dia sekadar tangkap dan jual sahaja, namun tiga tahun kebelakangan ini turut memelihara sebagai koleksi bagi dijadikan induk.

"Biasanya saya ke sungai di kawasan hutan sekitar daerah ini bermotosikal dengan ditemani seorang atau dua rakan. Bermalam di sana sehingga seminggu perkara biasa.

"Demi seekor ikan, ada ketikanya saya menyelam bermula pukul 9 malam sampai ke waktu subuh. Kalau rezeki memihak,

hidup keluarga semakin meningkat," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Pasir Dula di sini, semalam.

Tambah Mohd. Marzuki yang merupakan bapa kepada tiga orang anak, ikan-ikan yang dicari serta dibiaknya untuk induk dijual kepada pelanggan mengikut saiz dan kilogram dengan harga sekitar RM3,500 hingga RM6,000 seekor.

"Ikan kelah bersaiz kecil iaitu kira-kira lima sentimeter pula dijual RM30 seekor. Sejak tiga tahun lalu, saya biak baka kira-kira 40 ekor ikan kelah merah.

"Saya menggunakan air bukit bagi kolam ternakan ikan kelah dan turut memberikan duku serta lobak sebagai makanan kepada ikan-ikan yang dipelihara," ujarnya.

Katanya lagi, dia turut mengharapkan Jabatan Perikanan dapat membantunya dalam memajukan lagi usaha yang sedang dilakukannya itu.



MOHD. MARZUKI ABD. GHANI menunjukkan ikan kelah merah dipeliharanya dalam kolam di rumahnya di Kampung Pasir Dula, Hulu Terengganu. - UTUSAN/NOOR HAYATI MAMAT

dapat ikan dan ada waktunya juga sekadar balik tangan kosong.

"Walaupun banyak cabaran, namun ia tidak lemahkan semangat apatah lagi kos sara

Nelayan tuntutan janji henti operasi pukat kenka

PARIT BUNTAR: Komuniti Perikanan (myKP) Parit 30, Kuala Kurau di sini menggesa kerajaan tidak lagi membenarkan operasi pukat kenka kerana kaedah tangkapan itu memusnahkan hidupan marin dan merosakkan dasar laut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusinya, Saad Samsi berkata, pihaknya sudah menghantar surat kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Disember lalu agar tindakan dapat diambil bagi menghentikan kegiatan itu.

Katanya, setiap bot yang dilesenkan atas nama kenka dua bot mempunyai dua bentuk pukat yang diubah suai iaitu pukat untuk memerangkap udang dan pukat memerangkap ikan.

"Penggunaan pukat ini bertentangan dengan syarat-syarat lesen vesel kerana ia merosakkan dasar laut, habitat dan pembiakan.

"Ia memerangkap hidupan marin yang sedang membesar dan memberi kesan mata pencarian nelayan tradisi atau nelayan pantai.



SAAD Samsi menunjukkan dokumen tentang saranan operasi pukat kenka dua bot dihentikan. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

"Nelayan pukat kenka didapati rakus, sering menceroboh hingga di kawasan tangkapan bot kelas A tanpa mengira waktu termasuk di luar waktu yang dibenarkan iaitu pada sebelah

malam," katanya.

Kata Saad, penggunaan pukat yang diubah suai sudah dilaporkan kepada Jabatan Perikanan namun pukat pemusnah itu didapati masih terus beroperasi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/2/2024	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH	26

Gagal seludup benih udang hidup

ALOR SETAR - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kuala Kedah berjaya menggagalkan cubaan menyeludup masuk 312 bungkusan plastik disyaki mengandungi benih udang hidup di sebuah jeti persendirian Kampung Kuala Sanglang, Sanglang, dekat sini, pada Isnin.

Pengarah Maritim Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Ishak berkata, hasil maklumat risikan telah berjaya mengesan aktiviti pemunggahan bungkusan plastik yang mencurigakan kira-kira jam 3 pagi di jeti berkenaan.

Beliau memberitahu, susulan itu, bot ronda Maritim Malaysia PERKASA 1224 yang sedang melaksanakan rondaan pemantauan Op Aman telah diarahkan ke lokasi sasaran untuk melakukan serbuan.

“Setibanya di lokasi, pihak Maritim Malaysia mendapati jeti terbabit telah kosong dan terdapat 312 bungkusan plastik disyaki mengandungi benih udang hidup telah ditinggalkan.

“Benih udang hidup berkenaan dipercayai cuba diseludup masuk dari Thailand ke Malaysia,” katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Noor Azreyanti memberitahu, kesemua bungkusan plastik yang dianggarkan bernilai lebih RM 31,000 dirampas dan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kedah untuk tindakan lanjut.

Tambah beliau, kes akan disiasat di bawah seksyen 40 (1)(a) Akta Perikanan 1985 kerana mengimport ke dalam atau mengeksport ke luar Malaysia, ikan hidup tanpa permit atau dengan melanggar apa-apa syarat dalam permit.



Anggota Maritim Malaysia memeriksa kira-kira 312 bungkusan plastik mengandungi benih udang hidup cuba diseludup masuk dari Thailand.